

## Penelitian Semula Akad *Mudharabah*: Satu Kajian dari Perspektif *Tahaluf*

(*Re-examining the Mudharabah Contract: A Research from Tahaluf Perspective*)

Mohd Syakir Mohd Rosdi,<sup>a</sup> Mohd Zulkifli Muhammad<sup>b\*</sup>

<sup>a</sup>Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang

<sup>b</sup>Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan (FKP), Universiti Malaysia Kelantan, Kelantan

\*Corresponding author: zulkifli.m@umk.edu.my

---

### Article history

Received: 2017-07-23    Received in revised form: 2017-07-27    Accepted: 2017-11-05    Published online: 2018-10-31

### Abstract

This article aims to re-examine the mudharabah contract from the perspective of tahaluf. Mudharabah here means the framework to run a business in the field of economy, whereas tahaluf here means an agreement made between two parties or parties to achieve certain goals as long as it does not violate Islamic law. By having three elements in the mudharabah contract namely guarantee, justice and benefit, this study is conducted to review the concept of mudharabah from the perspective of the agreement (tahaluf) in Islam. It is to answer the question, is it true that the mudharabah contract is fulfilled with the tahaluf concept? This study was conducted using library research and content analysis. Library research is used to obtain secondary data, while content analysis is used to analyze the data. The result, mudharabah muqayyadah is the most suitable practice of tahaluf concept. It is linked to three distinct tahaluf features that have an agreement period, cancellation of the agreement if betrayed and have a clear agreement agreement. In addition, three conditions are ensured in accordance with the mudharabah contract namely loyalty, wise management and ukhwah. Only the one principle that can be achieved in the mudharabah contract is the principle of peace.

**Keywords:** Re-examine, Mudharabah contract, Tahaluf Perspective

### Abstrak

Artikel ini bertujuan meneliti semula akad *mudharabah* dari perspektif *tahaluf*. *Mudharabah* di sini bermaksud rangka menjalankan suatu usaha termasuk usaha dalam bidang perekonomian, manakala *tahaluf* di sini bermaksud perjanjian yang dilakukan antara dua pihak atau beberapa pihak untuk mencapai matlamat tertentu selagi tidak melanggar syariat Islam. Dengan memiliki tiga elemen dalam akad *mudharabah* iaitu jaminan, keadilan, dan kemanfaatan, kajian ini dilakukan untuk meneliti kembali konsep *mudharabah* dari sudut kaedah perjanjian (*tahaluf*) dalam Islam. Ia bagi menjawab persoalan, benarkah akad *mudharabah* ini menepati dengan kehendak *tahaluf*? Kajian ini dilakukan dengan menggunakan kajian kepustakaan dan analisis kandungan. Kajian kepustakaan digunakan bagi mendapatkan data-data sekunder, manakala analisis kandungan digunakan untuk menganalisis data-data tersebut. Hasilnya, *mudharabah muqayyadah* adalah yang paling sesuai mengamalkan konsep *tahaluf*. Ia dikaitkan dengan tiga ciri *tahaluf* iaitu mempunyai tempoh perjanjian, perjanjian terbatal jika dikhianati dan mempunyai dokumen perjanjian yang jelas. Selain itu, tiga syarat dipastikan sesuai dengan akad *mudharabah* iaitu syarat kesetiaan, bijak mengurus, dan ukhwah. Hanya satu sahaja prinsip yang setakat ini boleh dilakukan dalam akad *mudharabah* iaitu prinsip perdamaian.

**Kata Kunci:** Penelitian Semula, Akad *Mudharabah*, Perspektif *Tahaluf*

## 1.0 PENDAHULUAN

Ekonomi Islam dianggap meruapakan salah satu bidang penting untuk membangunkan ekonomi ummah. Antara alat transaksi yang dibincangkan dalam sistem ekonomi Islam ialah *mudharabah*<sup>1</sup> dan *musyarakah mutanaqisah*.<sup>2</sup> Antara kedua-dua ini, *mudharabah* dilihat lebih besar polemiknya kerana ia melibatkan soal tanggungan risiko yang tidak mahu terbeban kepada pihak bank. Jika begitu permasalahannya, maka isunya timbul dari sudut ketepatan penggunaan *mudharabah* dalam sektor-sektor perbankan Islam.

Sepatutnya, tanggungan risiko itu tidak nampak terbeban kepada pihak bank sahaja kerana sudah ada akad jaminan *mudharabah*. Pihak bank sebagai *shahib al-mal* (pemilik modal) adalah pemberi sumber kewangan untuk membolehkah pihak *mudarib* mengusahakan perniagaannya. Keuntungan yang dijanjikan juga telah tersebut dalam akad *mudharabah* sama ada 50:50, 30:70 atau 70:30.

Dalam *mudharabah* terdapat tiga elemen asas yang membentuk kesempurnaan dalam akadnya, iaitu jaminan, keadilan, dan kemanfaatan. Ketiga-tiga elemen ini nampak sempurna di sisi mujtahid Islam yang memutuskan pelaksanaan *mudharabah* ini, tetapi ia nampak tidak adil bagi pihak-pihak tertentu yang terpaksa mengeluarkan modal hangus jika ditakdirkan perniagaan tersebut gagal. Jika benar akad *mudharabah* ini tidak adil, maka elemen kedua *mudharabah* mengenai keadilan ini tidak sesuai digunakan (Rosly, 2005).

Bagi melihat secara adil konsep akad *mudharabah* ini, pengkaji lebih berminat untuk melihat di luar skop perbincangan ekonomi Islam dengan menilai *mudharabah* dari sudut kaedah *tahaluf* (perjanjian dalam Islam)<sup>3</sup> yang pernah ditunjuk oleh Baginda Rasulullah SAW dalam sirahnya. Kaedah *tahaluf* dilihat sesuai dengan perbincangan akad *mudharabah* ini kerana perbincangan akad *mudharabah* ini melibatkan perjanjian yang telah digariskan oleh pihak bank kepada *mudharib*. Kaedah *tahaluf* ini diperkenalkan oleh Mohd Syakir Mohd Rosdi (2014) dalam kajianya yang menggariskan prinsip, ciri dan syarat *tahaluf*.

Bagi prinsip *tahaluf siyasi* terdapat enam prinsip utama. Pertama, prinsip mempertahankan kebenaran; kedua, prinsip perdamaian; ketiga, prinsip ketetapan perjanjian dengan Allah SWT; keempat, prinsip mempertahankan perjanjian; kelima; prinsip tegas terhadap orang kafir dan keenam, bermatlamatkan *mardhatillah*. Bagi ciri *tahaluf siyasi* pula, terdapat empat ciri utama. Pertama,

---

<sup>1</sup> *Mudharabah* bermaksud akad ke atas satu jenis perkongsian dimana satu pihak memberikan modal kepada satu pihak yang lain untuk diperniagakan modal itu dan keuntungannya dibahagikan mengikut peratus yang dipersetujui. Sila lihat Syed Mohd Ghazali Wafa Syed Adwam Wafa et al. (2003).

<sup>2</sup> *Musyarakah Mutanaqisah* bermaksud satu konsep akad pensyarikatan, iaitu antara pihak pembiaya yang merupakan rakan kongsi, memberi hak kepada rakan kongsi yang lain memiliki aset dengan sekali atau beberapa kali bayaran iaitu secara beransur-ansur, berdasarkan syarat-syarat yang dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak. Sila lihat Mohd Sollehudin Shuib et al. (2011).

<sup>3</sup> *Tahaluf* mula diperbincangkan dalam konteks *siyasi* (politik). Ia dipopularkan sebagai *tahaluf siyasi*. Perbincangan ini hanya dalam konteks politik kerana yang memperkenalkan konsep *tahaluf* ini ialah kebanyakannya daripada cendekiawan Islam yang berlatar belakangkan politik. Mereka seperti Munir Muhammad Ghadban (1982; 1988; 2002), Sufri Muhammad (2002), Muhamad Izat Salih ‘Unaini (2008), Muhammad Iqbal (2007), Omer, A. I. (1978), dan Subhi Mahmasani (1982).

mempunyai tempoh perjanjian; kedua, perjanjian terbatal jika dikhianati; ketiga, mempunyai dokumen perjanjian yang jelas; dan keempat, Allah SWT bersama dengan perjanjian yang dilakukan. Bagi syarat *tahaluf siyasi* pula, terdapat tujuh syarat utama. Pertama, kesetiaan; kedua, keikhlasan; ketiga, bijak mengurus; keempat, tetap pendirian; kelima, ukhuwah; dan keenam, keyakinan.

Dengan menggunakan kaedah kajian kepustakaan dan analisis kandungan kualitatif, maka penelitian dilakukan bagi mendapatkan jawapan kepada penggunaan akad *mudharabah* sama ada ia bertepatan dengan konsep *tahaluf* atau pun tidak. Perbincangan ini dilakukan dalam dua bahagian. Pertama, konsep akad *mudharabah* dan kedua, penelitian semula konsep akad mudaharabah dari perspektif *tahaluf*.

## **2.0 KONSEP AKAD MUDHARABAH**

*Mudharabah* secara khususnya mempunyai akad perjanjian (*tahaluf*) yang khusus untuk memenuhi tuntutan dalam *bermudharabah*. Akad perjanjian ini berlaku antara *shahib al-mal* dengan *mudharib*. Perkataan *mudharabah* berasal dari bahasa Arab iaitu *al-dharbu fil ardhi* yang bermaksud berjalan di muka bumi. Maksud berjalan di muka bumi ini pada dasarnya dilakukan dalam rangka menjalankan suatu usaha sama ada usaha dalam bidang perekonomian atau usaha jihad di jalan Allah SWT. Perkara ini dijelaskan oleh Allah SWT dalam surah al-Muzzammil ayat 20, yang bermaksud:

*“Dia mengetahui bahawa akan ada di antara kamu orang-orang yang sakit, dan yang lain berjalan di bumi mencari sebahagian kurnia Allah; dan yang lain berperang di jalan Allah”.*

Selain *al-dharbu*, *mudharabah* juga disebut sebagai *qiradhu*. Ia berasal dari kata *al-qardhu* yang bererti *al-qath'u* (sepotong) (Al-Sayyid Sabiq, 1991:220). Maksud ini diberi kerana pemilik modal mengambil sebahagian daripada hartanya untuk diperdagangkan dan ia berhak mendapatkan sebahagian daripada keuntungannya (Abdul 'Azhim Badawi, 2001:359). Sedangkan menurut istilah fekah, *mudharabah* merupakan akad perjanjian (kerja sama usaha) antara kedua belah pihak, yang salah satu dari keduanya memberi modal kepada yang lain supaya dikembangkan, sedangkan keuntungannya dibahagi antara keduanya berdasarkan margin keuntungan yang telah disepakati sebelumnya (Al-Sayyid Sabiq, 1991:220). Tafsiran *mudharabah* yang dikemukakan oleh Sayyid Sabiq inilah menjadi titik temu kepada analisis *tahaluf* yang bererti perjanjian dengan *mudharabah* yang bererti perjanjian oleh kedua belah pihak.

## **3.0 ANALISIS SUMBER DALIL MUDHARABAH MENURUT PERSPEKTIF TAHALUF**

Islam mensyariatkan kontrak perkongsian untung *mudharabah* bagi memudahkan umat Islam berurusan dalam bidang perekonomian. Sebahagian daripada mereka memiliki harta namun tidak mampu menguruskannya. Begitulah sebaliknya terdapat juga orang yang tidak memiliki harta, namun memiliki kemampuan dan idea perniagaan untuk menguruskan dan mengembangkan idea perniagaan tersebut. Islam telah membolehkan perkongsian untung rugi ini agar mereka saling mendapat manfaat antara mereka.

Keadilan boleh dilihat di sini apabila *shahib al-mal* (pemilik modal) memanfaatkan keahlian *mudharib* (pengusaha) dan *mudharib* memanfaatkan harta *shahib al-mal*. Dengan demikian wujudlah kerjasama harta dan amal. Sesungguhnya Allah SWT tidak mensyariatkan satu akad kecuali untuk mewujudkan kemaslahatan dan menolak kerosakan (Al-Sayyid Sabiq, 1991:221).

Hukum pelaksanaan akad *mudharabah* adalah berdasarkan sumber daripada al-Qur'an, Hadis, Ijma', dan Qiyas. Sumber-sumber ini juga digunakan untuk menentukan syarat, prinsip, dan ciri *tahaluf*. Berdasarkan dalil-dalil akad *mudharabah* ini, apakah ia bertepatan dengan dalil-dalil yang mengharuskan melakukan *tahaluf*?

Bagi sumber pertama iaitu ambilan dalil daripada al-Qur'an, terdapat tiga dalil khusus berkaitan *mudharabah* iaitu daripada ayat 20 surah al-Muzzammil, ayat 1 surah al-Maidah dan ayat 283 surah al-Baqarah. Ketiga-tiga ayat tersebut difirmankan oleh Allah SWT seperti berikut yang bermaksud:

*"Dia mengetahui bahawa akan ada di antara kamu orang-orang yang sakit dan orang-orang yang berjalan di muka bumi mencari sebahagian kurnia Allah; dan orang-orang yang lain lagi yang berperang di jalan Allah.." (Al-Muzzammil, 73:20).*

*"Hai orang yang beriman! Penuhilah akad-akad itu...." (Al-Ma''idah, 5:1).*

*"Maka, jika sebahagian kamu mempercayai sebahagian yang lain, hendaklah yang dipercayai itu menunaikan amanatnya dan hendaklah ia bertakwa kepada Allah Tuhaninya..." (Al-Baqarah, 2:283).*

Daripada dalil-dalil al-Qur'an tersebut, pelaksanaan akad *mudharabah* hukumnya harus, baik secara mutlak maupun *muqayyad* (terikat atau bersyarat). Pihak pengusaha tidak menanggung kerugian kecuali kerana sikapnya yang melampaui batas dan menyimpang. Ibn Mundzir menegaskan, "Para ulama sepakat bahawa jika pemilik modal melarang pengusaha melakukan jual beli secara kredit, lalu ia melakukan jual beli secara kredit, maka ia harus menanggung risikonya" (Dipetik daripada Abdul 'Azhim Badawi, 2001:359).

Daripada penghuraian maksud ketiga-tiga ayat ini dilihat hanya ayat 20 daripada surah al-Muzzammil sahaja yang tidak bertepatan dengan konsep *tahaluf*. Sedangkan dua lagi ayat yang lain adalah berkaitan dengan perjanjian. Persamaannya adalah dalam syarat *tahaluf* perkara yang ditekankan merupakan berkaitan kesetiaan, dalam prinsip iaitu mempertahankan perjanjian dan dalam ciri pula iaitu perjanjian terbatal jika dikhianati (Mohd Syakir Mohd Rosdi, 2014).

Berdasarkan dalil-dalil hadith pula, terdapat dua hadith yang dikemukakan berkaitan hukum pelaksanaan *mudharabah* iaitu hadith seperti di bawah yang bermaksud:

*"Dari Abdullah bin Umar dari Rasulullah SAW bahawa Rasulullah SAW menyerahkan kepada bangsa Yahudi Khaibar kebun kurma dan ladang daerah Khaibar agar mereka mengusahakannya dengan perbelanjaan mereka sendiri, dengan perjanjian, Rasulullah mendapatkan separuh hasil usahanya." (Riwayat Muslim, No. Hadith: 4048)*

Shuhail r.a. berkata, Rasulullah SAW bersabda: "Ada tiga hal yang mengandungi berkat. Jual beli tidak secara tunai, *muqaradhab* (*mudharabah*), dan mencampur gandum dengan barli untuk keperluan rumah tangga, bukan untuk dijual." (Riwayat Ibnu Majah, No. Hadith: 2289).

Berdasarkan kedua-dua hadith tersebut, Rasulullah SAW mengutamakan *mudharabah* dalam urusan transaksi jual beli dalam ekonomi Islam. Keberkatan akan hadir jika melaksanakan *mudharabah*. Perjanjian ini juga digalakkan mempunyai syarat yang jelas. Syarat-syarat ini jika dilanggar oleh *mudharib* ia boleh menyebabkan *shabib al-mal* terlepas risiko kerugian. Perkara ini terkait dengan ciri *tahaluf* seperti yang dijelaskan dalam kajian Mohd Syakir Mohd Rosdi (2014) iaitu perjanjian terbatal jika dikhianati. Perjanjian yang dilakukan ini boleh terbatal dan ditanggung oleh *mudharib* atas segala kerugian kerana ia telah melanggar syarat yang ditetapkan sebelum ini. Jika ditunaikan setiap syarat yang dipersetujui antara *shabib al-mal* dengan *mudharib*, maka tiada risiko yang ditanggung oleh *mudharib*. Malah risiko ditanggung oleh kedua-duanya.

Dalam hal penanggungan risiko ini, biasanya pihak bank sebagai *shahib al-mal* tidak menyetujui untuk melaksanakan *mudharabah* kerana keimbangan tanggungan risiko hanya kepada pihaknya berbanding pihak *mudharib*. Bagi menjelaskan hal keseimbangan dalam penanggungan risiko ini, ia tidak dapat diminta setuju begitu sahaja tanpa ada syarat ketiga *tahaluf* yang boleh diterapkan dalam akad *mudharabah* ini iaitu bijak mengurus. Pihak *shahib al-mal* boleh memilih mereka yang bijak mengurus perniagaan sahaja untuk menjamin modal dapat diusahakan dengan sebaik mungkin.

Selain itu, *shahib al-mal* perlu memberikan keyakinan kepada *mudharib*. Usaha *mudharib* juga perlu dinilai dalam melihat keseimbangan risiko yang patut ditanggung bersama. Prinsip perdamaian dalam *tahaluf* boleh digunakan sebagai syarat jika berlaku sebarang kerugian. Dalil perdamaian sesama Muslim ini boleh didapati melalui firman Allah SWT seperti berikut:

*“Dan jika dua puak dari orang yang beriman berperang, maka damaikanlah di antara keduanya; jika salah satunya berlaku zalim terhadap yang lain, maka lawanlah puak yang zalim itu sehingga ia kembali mematuhi perintah Allah; jika ia kembali patuh maka damaikanlah keduanya dengan adil, dan berlaku adillah kamu; sesungguhnya Allah mengasihai orang yang berlaku adil.” (Al-Hujurat, 49:9).*

*“Sebenarnya orang yang beriman itu bersaudara maka damaikanlah di antara dua saudara kamu itu; dan bertakwalah kepada Allah agar kamu beroleh rahmat.” (Al-Hujurat, 49:10).*

Perdamaian merupakan prinsip utama dalam Islam yang harus diterapkan dalam proses melaksanakan *tahaluf*. *Tahaluf* yang dilakukan seharusnya mengarah kepada perdamaian, keharmonian dan kesejahteraan, bukan mengarah kepada permusuhan, perpecahan dan perkelahian (Muhamad Ahmad Rashid, 2011; Muhamad Izat Salih ‘Unaini, 2008; Omer, 1978; Sufri Muhammad, 2002; Abd Rahman Muhammad Abd Aziz Syirab, 2010; Abdullah Zaik Abd. Rahman, 2011). Tambahan pula jika perjanjian ini melibatkan sesama saudara seIslam, sesuai juga dilaksanakan syarat ukhwah seperti ditetapkan dalam pensyaratannya *tahaluf*.

Dari sudut ijmak ulama, Ibn Rusyd (1995:136) mengatakan para ulama telah sebulat suara bersepakat tentang keharusan hukum *mudharabah*. Wahbah Zuhailiy (1985) berpandangan bahawa diriwayatkan sejumlah sahabat menyerahkan kepada *mudharib* harta anak yatim menggunakan akad *mudharabah* dan tak ada seorang pun mengingkari mereka. Ini kerana hal itu dipandang sebagai *ijma’*.

Berdasarkan qiyas, transaksi *mudharabah* telah diqiyaskan kepada transaksi *musaqah*. *Musaqah* merupakan kerjasama antara pemilik kebun atau tanaman dan pengusaha untuk memelihara dan menjaga kebun atau tanaman dengan perjanjian bagi hasil yang jumlahnya menurut persetujuan bersama dan perjanjian itu disebutkan dalam akad.

Daripada penjelasan-penjelasan di atas didapati bahawa *mudharabah* boleh diamalkan sebagai salah satu alat dalam urusan perekonomian umat Islam. Tambahan pula, para ulama telah membuat perkaedahan umum hukum fekah bahawa: *‘Pada dasarnya, semua bentuk muamalat boleh dilakukan kecuali ada dalil yang mengharamkannya’*. Melihat kepada pengkaedahan umum hukum fekah ini, kontrak *mudharabah* adalah diharuskan dalam Islam selagi tidak timbul perkara-perkara yang boleh menjadikannya haram atau terbatal.

#### **4.0 ANALISIS JENIS-JENIS MUDHARABAH BERDASARKAN KONSEP TAHALUF**

Secara umumnya, *mudharabah* terbahagi kepada dua jenis. Pertama, *mudharabah mutlaqah* (*mudharabah* secara mutlak atau bebas). *Mudharabah* jenis ini bermaksud bentuk perkongsian antara pemilik modal

dan pengusaha modal yang skopnya sangat luas dan tidak dibatasi oleh spesifikasi jenis perniagaan, waktu, dan jenis perniagaan tertentu. Dalam pembahasan fekah, ulama selalunya memberi contoh dengan ungkapan *if'al ma sy'i'ta* (lakukanlah sesukamu) dari pemilik modal kepada pengusaha modal yang bererti memberi kekuasaan sangat besar.

Kedua, *mudharabah muqayyadah* (*Mudharabah* terikat). Jenis ini adalah yang berlawanan dari *mudharabah muthlaqah* iaitu pengusaha modal dibatasi dengan batasan jenis perniagaan, waktu atau tempat perniagaan. Usaha *mudharabah* dapat ditetapkan tempoh waktunya dan dibatalkan oleh salah satu pihak sama ada pemilik modal mahupun pengusaha. Ini kerana tidak ada syarat kelangsungan terus menerus dalam transaksi kontrak *mudharabah* ini. Kedua-dua belah pihak boleh membatalkan transaksi pada bila-bila masa sahaja (Rab, 2005).

Al-Kasani (t.t) berkata:

*"Sekiranya seseorang menerima modal untuk usaha mudharabah selama satu tahun, maka menurut pandangan kami perkara tersebut hukumnya harsus". Manakala, Ibn Qudamah (t.t) pula berkata: "Boleh menghadkan waktu mudharabah seperti mengatakan, "Aku memberimu modal sekian dirham agar kamu mengusahakannya selama satu tahun. Bila sudah berakhir waktunya maka kamu tidak boleh membeli atau menjual".*

Dalam erti kata lain, jenis perniagaan dan ciri-ciri lain yang hendak dilaksanakan adalah ditentukan oleh pemilik modal. Oleh itu, perbezaan antara keduanya terletak kepada pembatasan penggunaan modal yang sesuai dengan kehendak pemilik modal.

Berdasarkan kedua-dua jenis *mudharabah* ini, *mudharabah muqayyadah* ini lebih sesuai dengan konsep *tahaluf*. Hal ini diperjelaskan melalui ciri *tahaluf* iaitu mempunyai tempoh perjanjian, perjanjian terbatal jika dikhianati, dan mempunyai dokumen yang jelas.

Allah SWT berfirman seperti dalam surah al-Taubah ayat 4 yang bermaksud:

*"Kecuali mereka yang kamu mengikat perjanjian setia (dengannya) dari orang-orang musyrik, kemudian mereka tidak mencabuli perjanjian kamu itu sedikit pun, dan mereka tidak menolong seorang pun yang memusuhi kamu, maka sempurnakanlah kepada mereka perjanjian sebingga (habis) tempohnya. Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang bertakwa."*

Menurut Sayyid Qutb (2000), Imam al-Baghawi telah menyebut dalam tafsirnya bahawa para *mufassirin* berkata, apabila Rasulullah SAW keluar ke Tabuk, maka kaum *munafikin* terus menyebarkan berita-berita palsu dan kaum Musyrikin pula mula bertindak membatalkan perjanjian mereka. Kemudian, Allah SWT menurunkan ayat yang berhubung kait dengan mereka dengan menghadkan setakat empat bulan sahaja daripada tempoh perjanjian mereka yang lebih panjang dari tempoh itu sebelum ini.

Selanjutnya, menurut Sayyid Qutb (2004), al-Imam al-Tabari telah mengemukakan pelbagai pendapat dalam mentafsirkan ayat-ayat permulaan surah ini. Daripada pendapat-pendapat tersebut, terdapat satu pendapat yang lebih sesuai berdasarkan situasi ketika itu. Pendapat tersebut ialah pendapat yang mengatakan tempoh yang diberikan Allah SWT dalam ayat di atas adalah berkaitan dengan tempoh yang diberikan kepada kaum Musyrikin yang memeterai perjanjian dengan kaum Muslimin.

Daripada perjanjian tersebut, kaum Musyrikin diberikan kebenaran bergerak bebas hanya empat bulan daripada tempoh perjanjian sebenar kerana mereka telah memberikan bantuan kepada pihak lain untuk menyerang Rasulullah SAW dan telah membatalkan perjanjian mereka sebelum habis

tempohnya. Adapun kaum Musyrikin yang tidak membatalkan perjanjian mereka dan tidak menolong pihak yang menyerang Rasulullah SAW, maka Allah SWT memerintahkan Rasulullah SAW supaya menyempurnakan perjanjian antara beliau dengan mereka sehingga tamat tempohnya. Perkara ini sama seperti yang dijelaskan oleh Wahbah al-Zuhaili (1998).

Dalam tafsiran di atas, Allah SWT menegaskan mengenai penyempurnaan tempoh perjanjian. Penyempurnaan ini mempunyai syaratnya iaitu selagi mereka tidak mencabuli perjanjian dan tidak menolong musuh Islam (Muhamad 'Izat Salih 'Unaini, 2008; Omer, 1978; Abd Rahman Muhammad Abd Aziz Syirab, 2010). Pada zaman Rasulullah SAW, Baginda telah pun menetapkan tempoh masa untuk sesuatu perjanjian. Misalnya adalah seperti perjanjian Hudaibiyah yang disebut dalam bahagian prinsip *tabaluf siyasi*. Perjanjian Hudaibiyah ini ditetapkan selama 10 tahun, tetapi hanya berlaku sekitar dua tahun sahaja daripada tempoh tersebut kerana kaum Musyrikin Mekah telah mengkhianati perjanjian itu (Hepi Andi Bastoni, 2010).

Selain itu, terdapat juga dalam satu Hadith lain yang menceritakan ketegasan Rasulullah SAW mengenai tempoh masa perjanjian. Hadith tersebut adalah seperti berikut yang bermaksud:

*“Daripada Hafsh bin Umar al-Namiri, beliau berkata; telah menceritakan kepada kami Syu'bah; daripada Abu al-Faidh; daripada Sulaim bin 'Amir seorang laki-laki dari Himyar, beliau berkata; dahulu antara Mu'awiyah dan Rumawi terdapat perjanjian. Mu'awiyah berjalan ke arah negeri mereka, kemudian setelah habis masa perjanjian Mu'awiyah memerangi orang-orang Rumawi tersebut. Kemudian terdapat seorang lelaki yang datang dengan menaiki kuda, beliau berkata; Allahu Akbar, Allahu Akbar. Penamatkan masa janji bukan pengkhianatan. Kemudian orang-orang melihat kepadanya dan ternyata beliau adalah 'Amr bin 'Abasah, kemudian Mu'awiyah mengirimkan utusan kepadanya dan bertanya kepadanya. Kemudian beliau berkata; saya mendengar Rasulullah SAW bersabda: “Barang siapa antara dirinya dan suatu kaum terdapat suatu perjanjian, maka janganlah ia mengencangkan ikatan dan janganlah ia melepasnya hingga habis waktunya atau ia mengembalikan perjanjian itu kepada mereka dengan cara yang jujur.” (Riwayat Abu Daud, No. Hadith: 2378).*

Menurut Muhamad Abdur Rahman bin Abdur Rahim al-Mubarakfuri (t.t), maksud ‘setelah habis masa perjanjian’ ialah mengenai tempoh masa tertentu. Umat Nabi Muhammad SAW dilarang mengkhianati perjanjian dengan melanggar tempoh perjanjian kecuali jika dikhianati atau tamat tempoh perjanjian (Muhamad Ahmad Rashid, 2011; Muhamad 'Izat Salih 'Unaini, 2008; Omer, 1978; Sufri Muhammad, 2002; Abd Rahman Muhammad Abd Aziz Syirab, 2010).

Daripada kenyataan tersebut, kisah di atas adalah berkenaan tempoh perjanjian yang boleh dijadikan sebagai panduan untuk melaksanakan konsep *tabaluf* dalam akad *mudharabah*. Dalam Hadith ini digambarkan bahawa setiap perjanjian mempunyai tempoh masa tertentu. Perjanjian tersebut perlu dipegang sehingga tamat tempohnya. Ia lebih sesuai diamalkan dalam *mudharabah muqayyadah*.

## **5.0 ANALISIS RUKUN DAN SYARAT *MUDHARABAH* BERDASARKAN PERSPEKTIF *TAHALUF***

*Mudharabah* dilakukan dengan rukun dan syarat tertentu. Rukun *mudharabah* ini pernah dijelaskan oleh Imam Nawawi (2007). Beliau menjelaskan bahawa terdapat lima rukun *Mudharabah*, iaitu modal, jenis usaha, keuntungan, *sighah* (lafaz transaksi), dan dua orang yang bertransaksi, iaitu pemilik modal dan pengusaha.

Sementara syarat-syarat dalam *mudharabah* pula digariskan empat syarat. Pertama, pemilik modal dana (*Rabb al-Mal*) dan pengusaha (*mudharib*) harus menyebut hukum dengan jelas. Kedua,

pernyataan *ijab* dan *qabul* harus dinyatakan oleh kedua-dua pihak untuk menunjukkan kehendak mereka dalam mengadakan kontrak (akad).

Syarat kedua ini dapat dilaksanakan dengan memperhatikan hal-hal berikut. Pertama, penawaran dan penerimaan harus secara jelas menunjukkan tujuan kontrak (akad). Kedua, penerimaan dan penawaran hendaklah dilakukan ketika kontrak sedang berlangsung. Ketiga, akad dibuat secara tertulis, sama ada melalui tulis secara biasa atau dengan menggunakan cara-cara komunikasi atau catatan moden.

Kedua-dua syarat *mudharabah* ini mengikat dalam satu perkara khusus iaitu perjanjian yang dilakukan itu mestilah jelas. Hal ini seperti menurut Sayid Sabiq (2012: 295), terdapat tiga syarat perjanjian. Pertama, tidak harus menyalahi salah satu daripada hukum-hukum syariah; kedua, perjanjian harus berdasarkan persetujuan kedua-dua belah pihak dan tiada paksaan; dan ketiga, teks perjanjian harus jelas dan terang, difahami oleh kedua-dua belah pihak. Daripada ketiga-tiga ciri yang dibawa oleh Sayid Sabiq (2012) tersebut, ciri yang ketiga menjadi tumpuan dalam bahagian ini. Menurut beliau, ulama juga menyetujui bahawa perlu ada teks perjanjian yang jelas.

Perkara ini seperti yang dijelaskan oleh Mohd Syakir Mohd Rosdi (2014) berkaitan ciri *tahaluf* iaitu sesuatu perjanjian yang dilakukan harus mempunyai dokumen yang jelas. Beliau meneliti *tahaluf* yang berlaku selepas Rasulullah SAW membina Negara Islam Madinah. Piagam Madinah menjadi perlembagaan pertama yang dibina di dalam pemerintahan Islam. Munir Muhammad Ghadban (2002:122-126) menjelaskan Piagam Madinah suatu perlembagaan undang-undang Islam.

Dari sini, Mohd Syakir Mohd Rosdi (2014) menggariskan enam kategori dalam Piagam Madinah yang mempunyai kaitan dengan *tahaluf*. Pertama, perjanjian berkaitan politik; kedua, perjanjian berkaitan undang-undang; ketiga, perjanjian berkaitan ekonomi dan politik; keempat, perjanjian berkaitan undang-undang dan politik; kelima, perjanjian berkaitan ekonomi dan sosial; dan keenam, perjanjian berkaitan sosial dan politik.

Syarat ketiga pula adalah modal. Modal merupakan sejumlah wang atau aset yang diberikan oleh pemilik modal kepada pengusaha untuk tujuan kerjasama dengan syarat sebagai berikut. Pertama, modal hendaklah diketahui jumlah dan jenisnya. Kedua, modal boleh berbentuk wang atau barang yang dinilai. Jika modal diberikan dalam bentuk aset, maka aset tersebut hendaklah dinilai pada waktu akad. Ketiga, modal tidak boleh berbentuk hutang dan harus dibayarkan kepada pengusaha, sama ada secara berperingkat atau tidak, sesuai dengan persetujuan dalam akad.

Syarat yang keempat pula adalah keuntungan *mudharabah* adalah jumlah yang diperolehi sebagai lebihan dari modal yang diusahakan. Sementara syarat bagi keuntungan pula adalah seperti berikut. Pertama, keuntungan harus diperuntukkan bagi kedua-dua belah pihak dan tidak boleh disyaratkan hanya untuk satu pihak sahaja. Kedua, bahagian keuntungan proporsional bagi setiap pihak harus diketahui dan dinyatakan pada waktu kontrak disepakati dan harus dalam bentuk peratusan (nisbah) dari keuntungan. Perubahan nisbah harus berdasarkan persetujuan. Misalnya keuntungan 60% untuk pemilik modal dan 40% untuk pengusaha. Ketiga, pemilik modal menanggung semua kerugian akibat dari *Mudharabah*, dan pengusaha tidak boleh menanggung kerugian apapun kecuali diakibatkan dari kesalahan yang disengajakan, kelalaian atau pelanggaran kontrak. Oleh itu, pengusaha hanya rugi masa dan tenaga sahaja.

Pemilihan pengusaha yang bijak dalam mengurus penting bagi memastikan perniagaan yang diusahakan tersebut berjaya. Hal ini terdapat dalam syarat pelaksana *tahaluf* iaitu bijak mengurus.

Menurut Mohd Syakir Mohd Rosdi (2014), terdapat tiga inti pati yang membentuk syarat bijak mengurus ini. Pertamanya ialah bijak mengutamakan sesuatu yang lebih utama; kedua, mengelakkan daripada berlaku sebarang pertembungan sesama Muslim; dan ketiga, bijak mengatur segala strategi.

Rasulullah SAW adalah contoh teragung pengurus yang bijak berdasarkan ketiga-ketiga inti pati tersebut. Terdapat satu kisah berkenaan pemilihan keutamaan Rasulullah SAW membahagikan harta antara yang memerlukan dalam kalangan Muhajirin dengan yang memerlukan dalam kalangan Ansar. Dalam perkara ini, Rasulullah SAW memilih ramai dalam kalangan Muhajirin untuk menerima pembahagian harta tersebut disebabkan keadaan mereka yang lebih kekurangan harta berbanding golongan Ansar. Hadith tersebut adalah seperti berikut:

*“Daripada Muhammad bin Ubaid; telah menceritakan kepada kami Ibnu Tsaur; daripada Ma’mar; daripada al-Zubri mengenai firman Allah SWT: ‘Maka untuk mendapatkan itu kamu tidak menggunakan seekor kuda pun dan (tidak pula) seekor unta pun’. Beliau berkata, Rasulullah SAW telah membuat kesepakatan dengan orang-orang Fadak dan orang daripada berbagai Kota yang telah beliau sebutkan dan tidak aku hafal, dan beliau mengejung kaum yang lain. Kemudian mereka mengirimkan utusan kepada beliau dengan membawa perjanjian perdamaian. Allah SWT berfirman: ‘Maka untuk mendapatkan itu kamu tidak mengerahkan seekor kuda pun dan (tidak pula) seekor unta pun’. Beliau berkata; iaitu tanpa berperang. Al-Zubri berkata; Harta Bani Nadhir adalah khusus untuk Rasulullah SAW. Mereka tidak menundukannya dengan kekerasan, mereka menundukannya dengan perjanjian damai. Kemudian Rasulullah SAW memberinya kepada orang-orang Muhajirin dan tidak memberi kepada orang-orang Ansar melainkan dua orang sahaja yang berkehendakkan.” (Riwayat Abu Daud, No. Hadith: 2579).*

Seterusnya, terdapat satu lagi kisah berkaitan pemilihan keutamaan oleh Rasulullah SAW. Keutamaan ini melibatkan umur. Rasulullah SAW pernah didatangi oleh sahabatnya, kemudian Rasulullah SAW menyuruh supaya yang lebih tua bercakap. Perkara ini disebabkan percakapan orang yang lebih tua akan lebih mudah dipercayai daripada yang lebih muda. Hadith tersebut dinyatakan seperti berikut:

*“Telah bercerita kepada kami Musaddad; telah bercerita kepada kami Bisyir (dia adalah anak al-Mufadhal); telah bercerita kepada kami Yahya; daripada Busyair bin Yasir; daripada Sahal bin Abi Hatsmah, beliau berkata: ‘Abdullah bin Sahal dan Mubayyishah bin Mas’ud bin Zaid berangkat menuju Khaibar yang saat itu Khaibar terikat dengan perjanjian damai lalu keduanya terpisah. Kemudian Mubayyishah mendapatkan Abdullah bin Sahal dalam keadaan gugur bersimbah darah lalu dia menguburkannya. Kemudian dia kembali ke Madinah. Lalu ’Abdur Rahman bin Sabal, Muhayyishah dan Huyayyishah, keduanya anak Mas’ud, menemui Rasulullah SAW. Abdur Rahman bin Sahal memulai berbicara, namun Baginda SAW berkata, ‘Tolong yang bicara yang lebih tua, tolong yang bicara yang lebih tua’. Dia (Abdur Rahman) memang yang paling muda usia di antara kaum yang hadir, lalu dia pun diam. Maka keduanya (anak Mas’ud) berbicara”. Rasulullah SAW bertanya, ‘Hendaknya kalian bersumpah sehingga boleh menuntut pembunuohnya atau kalian tuntut darah saudara kalian’. Mereka berkata; ‘Bagaimana kami dapat bersumpah padahal kami tidak menyaksikan dan tidak melihat kejadiannya’. Beliau berkata: ‘Kalan begitu kaum Yahudi bisa menyatakan ketidakterlibatannya dengan lima puluh sumpah’. Mereka bertanya, ‘Bagaimana mungkin kami terima sumpah kaum kafir?’. Akhirnya Rasulullah SAW membayar diyatnya dari harta Beliau sendiri.” (Riwayat Al-Bukhari, No. Hadith: 2937).*

Berdasarkan pandangan Ali Ibn Khalaf Ibn Abd al-Malik (2000) terhadap hadith ini, beliau membawa hujah Muhallab yang mengatakan bahawa tidak mengapa untuk membuat perjanjian dan perdamaian dengan orang kafir melalui harta jika merasakan simpati kepada orang-orang kafir, kecuali jika perjanjian itu boleh meninggikan penghormatan mereka dan pihak Islam merasa lemah. Perkara ini merujuk kepada tujuannya iaitu memperlihatkan kebaikan Islam kepada mereka sekali gus membawa mereka kepada Islam.

Bagi syarat kegiatan perniagaan oleh pengusaha pula adalah seperti berikut. Pertama, kegiatan perniagaan adalah hak eksklusif pengusaha tanpa campur tangan oleh pemilik modal. Namun, pemilik modal mempunyai hak untuk melakukan pengawasan. Kedua, pemilik modal tidak boleh mengganggu tindakan pengusaha sehingga boleh menghalang tercapainya tujuan *mudharabah* iaitu keuntungan. Ketiga, pengusaha tidak boleh menyalahi hukum Islam dalam tindakannya yang berhubungan dengan *mudharabah* dan harus mematuhi hukum dan adat yang berlaku dalam aktiviti perniagaan tersebut.

Daripada perbincangan *tabaluf* sebelum ini, perkaitannya sebagai kaedah memperkuatkan ekonomi Islam itu boleh berlaku. Dalam usaha mengukuhkan *hablum min al-nas* (hubungan sesama manusia) mampu menambahkan tumpuan yang lebih utama kepada *hablum min Allah* (hubungan dengan Allah). Hubungan dengan Allah SWT juga adalah salah satu daripada tanggungjawab seorang hamba yang berdasarkan kepada perjanjian yang termaktub di dalam al-Qur'an. Tambahan pula, kebanyakan perjanjian yang dilakukan dengan Allah SWT ini terdapat juga perjanjian yang mempunyai kaitan dengan ekonomi Islam. Antara ayat al-Qur'an yang membincangkan mengenai perjanjian dalam transaksi ekonomi ialah sebagaimana firman Allah SWT seperti berikut:

*“Sesungguhnya Allah telah membeli daripada orang yang beriman akan jiwa dan harta benda mereka dengan (balasan), bahawa mereka akan beroleh syurga, mereka berjuang pada jalan Allah; maka (di antara) mereka ada yang membunuh dan terbunuh. Sebagai janji yang benar daripada Allah di dalam Taurat, Injil dan Al-Qur'an; dan siapakah lagi yang lebih menyempurnakan janjinya daripada Allah? Oleh itu, bergembiralah dengan jualan yang kamu jalankan jual belinya itu, dan (ketahuilah bahawa) jual beli (yang seperti itu) ialah kemenangan yang besar.” (Al-Taubah, 9:111)*

Menurut Wahbah al-Zuhaili (1998), pahala jihad bagi mereka yang berjuang di jalan Allah SWT dengan harta dan diri adalah syurga. Perumpamaan ini dibuat berdasarkan transaksi jual beli. Perjanjian ini adalah janji Allah SWT yang ditulis dalam kitab-Nya. Ia mengandungi penyaksian seluruh Rasul dan Nabi-nabi ke atas pembelian tersebut (dalam bidang ekonomi).

Menurut Sayyid Qutb (2004), orang-orang yang sanggup melakukan jualan dan mengadakan urus niaga ini ialah golongan manusia yang terpilih. Mereka mempunyai sifat-sifat yang baik berkaitan dengan diri sendiri dalam hubungan secara langsungnya dengan Allah SWT dalam bidang perasaan dan syiar ibadat serta sifat-sifat yang berkaitan dengan tugas-tugas yang harus dipikul oleh mereka di luar diri mereka untuk menegakkan agama Allah SWT di bumi. Tugas-tugas ini seperti menyuruh manusia melakukan perkara yang *ma'ruf* dan melarang mereka melakukan perkara yang *munkar* serta menghormati hukum-hukum Allah SWT sama ada terhadap diri mereka atau terhadap orang lain. Siapa yang mengikat perjanjian dengan Allah SWT ini, siapa yang melakukan urus niaga ini, siapa yang berpuas hati dengan harganya dan menyempurnakan urus niaganya, maka dia ialah orang yang beriman. Orang-orang yang beriman itu ialah orang-orang yang telah dibeli diri dan hartanya oleh Allah SWT dan mereka sanggup menjualnya.

Berdasarkan perbincangan tersebut, unsur *tabaluf* dalam akad *mudharabah* ini mempunyai dua hubungan yang jelas. Pertama, hubungan manusia dengan manusia; dan kedua hubungan manusia dengan Allah SWT. Kedua-dua hubungan ini adalah berpandukan kepada al-Qur'an, Hadith dan Sirah Rasulullah SAW. Daripada panduan tersebut, antara syarat pengukuhan hubungan sesama manusia adalah melihat sejauh mana kukuhnya hubungan manusia dengan Allah SWT. Allah SWT berfirman seperti berikut yang bermaksud:

*“Mereka ditimpa kehinaan di mana sahaja mereka berada, kecuali dengan adanya sebab daripada Allah dan adanya sebab daripada manusia. Dan mereka kembali mendapat kemurkaan daripada Allah, dan*

*mereka ditimpakan kemiskinan. Yang demikian itu, disebabkan mereka ingkar akan ayat-ayat Allah, dan mereka membunuh Nabi-nabi dengan tiada alasan yang benar. Semuanya itu disebabkan mereka derhaka dan melampaui batas.” (Ali Imran, 3:112)*

## **6.0 KESIMPULAN**

Daripada penjelasan-penjelasan yang dikemukakan sebelum ini, dapat dibuat kesimpulan bahawa akad *mudharabah* yang diamalkan ketika ini mempunyai beberapa persamaan dengan konsep *tahaluf* yang dikemukakan oleh Mohd Syakir Mohd Rosdi (2014). Persamaan yang paling ketara ialah pengamalan jenis *mudharabah muqayyadah* yang mempunyai syarat-syarat tertentu dalam perjanjiannya. Syarat-syarat ini boleh dikaitkan persamaannya dengan tiga ciri *tahaluf* iaitu mempunyai tempoh perjanjian, perjanjian terbatal jika dikhianati dan mempunyai dokumen perjanjian yang jelas. Selain itu, tiga syarat dipastikan sesuai dengan akad *mudharabah* iaitu syarat kesetiaan, bijak mengurus dan ukhwah. Hanya satu sahaja prinsip yang setakat ini boleh dilakukan dalam akad *mudharabah* iaitu prinsip perdamaian. Dengan perkaitan ini maka konsep akad *mudharabah* yang dibincangkan selama ini mempunyai hubungan dengan konsep *tahaluf*. Cumanya, jika ingin konsep akad *mudharabah* ini semakin jelas pelaksanaannya mengikut konsep *tahaluf* iaitu konsep perjanjian dalam Islam, maka lebih elok sekiranya difikirkan penggunaan keseluruhan syarat, ciri dan prinsip *tahaluf* dalam akad *mudharabah* ini supaya pelaksanaannya lebih menepati kehendak Islam.

## **Penghargaan.**

Penulis ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dalam membiayai geran penyelidikan SGJP, R/MyRA/A01.00/00404A/001/2017/000398.

## **Rujukan**

- ‘Abd al-‘Azhim Badawi (2001). *Al-wajiz fi fiqh is sunnati wal kitabil ‘aziz*. Mansoura, Egypt: Dar Ibnu Rajab.
- ‘Abd al-Rahman Muhammad Abd Aziz Syirab (2010). *Abkam al-tahalufat al-siyasiyah fi dani al-waqi’I al-mu’asir*. Tesis Sarjana Kuliah Syariah wal Qanun Bil Jami’ah al-Islamiyah, Universiti Islam Ghazzah.
- ‘Ali Ibn Khalaf Ibn Abd al-Malik (2000). *Ibn Battal syarb Sahib al-Bukhariy*. Riyadh: Maktabah al-Rusyd.
- Abdullah Zaik Abd. Rahman (2011). *Siyasah syar’iyah dan tahaluf siyasi dalam kalangan parti politik umat Islam Malaysia: Satu analisa kritikal*. Kertas Kerja Wacana Pemikiran dan Peradaban Ummah ke-III di Kuala Lumpur pada 12 Nov 2011.
- Al-Kasani (t.t). *Al-bada’i’u ash-shana’i’u*. Cairo, Egypt: al-Muniriyah.
- Anwar, M. (2001). Development of mudarabah instruments: Understanding their profitability, securitization and negotiability aspects. *International Journal of Economics, Management and Accounting*, 9(2), 165-186.
- Al-Sayyid Sabiq (1991). *Fiqh as-sunnah*, Jilid 3. Illinois, USA: North American Islamic Trust.
- Bacha, O. I. (1996). Conventional versus mudarabah financing: An agency cost perspective. *International Journal of Economics, Management and Accounting*, 4(1&2).
- El-Din, S. I. T. (2008). Income ratio, risk-sharing, and the optimality of mudarabah. *Journal of Islamic Economics*, 21(2), 39-62.
- Giannini, N. G. (2013). Faktor yang mempengaruhi pembiayaan *mudharabah* pada bank umum Syariah di Indonesia. *Accounting Analysis Journal*, 2(1).

- Haron, S., Ahmad, N., & Planisek, S. L. (1994). Bank patronage factors of Muslim and non-Muslim customers. *International Journal of Bank Marketing*, 12(1), 32-40.
- Hepi Andi Bastoni (2010). *Belajar dari perjanjian Hudaibiyah: Belajar diplomasi daripada Rasulullah s.a.w.* Malaysia: Rijal Media.
- Ibn Qudamah (t.t). *Al-mughni*. Riyadh, Saudi Arabia: Maktabah Riyadh al-Haditsah.
- Ibn Rusyd (1995). *Bidayatul mujtahid*. Riyadh, Saudi Arabia: Dar Salam.
- Imam Nawawi (2007). *Raudhatun salihin*. Jakarta, Indonesia: Pustaka Azzam.
- Mohd Sollehudin Shuib, Ahmad Azam Sulaiman @ Mohamad & Mohammad Taqiuddin Mohamad (2011). Pembiayaan perumahan secara Islam di malaysian: Analisis kelebihan produk berdasarkan musharakah mutanaqisah di Kuwait Finance House Malaysia Berhad (KFHMB). *Jurnal Teknologi*, 55 (Sains Sosial), 107-119.
- Mohd Syakir Mohd Rosdi (2014). *Tabaluf siyasi dalam ekonomi politik islam: Satu kajian teoretis*. Tesis Doktor Falsafah Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia.
- Muhamad Izat Salih ‘Unaini (2008). *Abkam al-tabaluf al-siyasi fi al-fiqh al-Islami*. Filastin: al-Jami’ah al-Najah al-Wataniyah
- Muhamad Ahmad Rashid (2011). *Tabaluf siyasi hukum dan syarat*. Norsaleha Mohd. Salleh (Terj.). Alor Star: Pustaka Darul Salam.
- Muhammad Abdur Rahman Abdur Rahim al-Mubarakfuri (t.t). *Tuhfatul ahwadzi bi syarb jami’ at-Tirmidzi*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah.
- Muhammad Iqbal (2007). *Islamic toleration & justice non-muslims under muslim rule*. India: Adam Publishers & Distributors.
- Munir Muhammad Ghadban (1982). *al-tabaluf al-siyasi fi al-Islam*. Al-Urdun, Jordan: Maktabat al-Manar Zarqa’.
- Munir Muhammad Ghadban (1988). *Al-tabaluf al-siyasi fi al-Islam*. Kaherah: Dar al-Salam.
- Munir Muhammad Ghadban (2002). *Kompromi politik dalam Islam*. Jakarta Timur, Indonesia: Pustaka al-Kautabalfar.
- Omer, A. I. (1978). Limit *tabaluf* of the doctrine of *tabaluf* and *tabaluf* bearing on the law of burdens. *Journal of Islamic and Comparative Law*, 8(73).
- Rab, H. (2005). Impact of inflation on mudarabah profits: Some observations. *J. KAU: Islamic Econ*, 17(2), 21-25.
- Rosly, S. A. (2005). *Critical issues on Islamic banking and financial markets: Islamic economics, banking and finance, investments, takaful and financial planning*. Kuala Lumpur: Dinamas Publishing.
- Sayid Sabiq (1978). *Unsur-unsur kekuatan dalam Islam*. Singapore: Pustaka Nasional Pte Ltd.
- Sayid Sabiq (2012). *Anasir al-quwwah fi al-Islam*. Rijalul Alam (Terj.). Pangkal Kekuatan Islam. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa.
- Sayyid Qutb (2004). *Tafsir fi zilalil Qur'an* (Di Bawah Naungan al-Quran). (Terj.), Jilid 2. Jakarta: Gema Insan.
- Subhi Mahmasani (1982). *Al-qanun wa al-'ilaqat al-dunvaliyah fil Islam*. Beirut: Dar al-'ilmil Malayan.
- Sufri Muhammad (2002). *Tabaluf siyasi menurut perspektif Islam: Satu tinjauan terhadap sumbangan PAS membentuk barisan alternatif dalam pilihanraya umum 1999*. Latihan Ilmiah Jabatan Siasah Syar'iyyah, Universiti Malaya.

- Syed Mohd Ghazali Wafa Syed Adwam Wafa, Muhammad Nasri Md. Hussain & Mohd Hizam Hanafiah (2003). *Pengantar perniagaan Islam*. Selangor, Malaysia: Prentice Hall.
- Wahbah al-Zuhailiy (1998). *Tafsir al-munir fi al-'aqidah wa al-syari'ah wa al-manhaj*. Lubnan: Darul Fikr al-Mu'asir.
- Wahbah al-Zuhailiy (1985). *Al-siqhu al-Islami wa adillatuhu*. Damascus, Syria: Dar al-Fikr.